

Singapura tidak sensitif isu Bangkok – Dr. Mahathir

Um - 31/1/2007

BANGKOK 30 Jan. – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata Singapura tidak sensitif dan pentingkan diri sendiri dalam mengendalikannya perbalahan dengan Thailand.

Akhbar *The Nation* yang memetik temu ramah Dr. Mahathir dengan *Channel 5* melaporkan, Singapura dianggap sebagai tidak diplomatik oleh bekas Perdana Menteri itu.

“Singapura tidak pernah mengendahkan pandangan jiran-jirannya,” kata Dr. Mahathir.

Beliau turut menyifatkan sambutan Singapura terhadap kunjungan bekas Perdana Menteri Thaksin Sinawatra sebagai “tiada perasaan dan tidak bersimpati” kepada pentadbiran Thailand ketika ini.

Menurut beliau, Singapura hanya percaya kepada apa yang memberi keuntungan kepada mereka dan tidak akan menghiraukan pihak lain.

Ketika diminta mengulas mengenai tuduhan Bangkok bahawa Singapura cuba memeriksa maklumat pentadbiran barunya, Dr. Mahathir sekadar berkata: “Itulah mereka.”

Singapura menafikan dakwaan Bangkok yang negara itu mengintip maklumat Thailand menerusi talian telefon dan menganggap dakwaan itu sebagai “tidak berasas sama sekali.”

“Sama ada anda berbuat baik atau berka-sar dengan mereka, anda tidak akan ke mana-mana. Mereka hanya fikir diri sendiri,” kata Dr. Mahathir apabila ditanya mengenai pengalaman berurusan dengan negara republik itu.

Menurutnya, ketika ini permohonan maaf adalah jalan “terhormat” dan paling baik yang boleh dilakukan oleh Singapura untuk memulihkan hubungannya dengan Thailand.

Hubungan Thailand-Singapura menjadi agak dingin selepas penjualan syarikat telekomunikasi Thailand, Shin Corp kepada Temasik Holdings dan lawatan Thaksin ke Singapura baru-baru ini mengeruhkan lagi hubungan tersebut.

Bangkok menganggap tindakan Singapura menyambut Thaksin sebagai “tidak kena” kerana beliau bukan lagi pemimpin Thailand selepas disingkirkan pada September lalu.